

Kulit kerang bantu pertumbuhan tulang

» Penyelidikan pelajar UMP dipilih inovasi terbaik dalam teknologi hijau

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

■ Kuantan

Penyelidikan berjudul 'Penghasilan Produk Bernilai Tinggi Daripada Sisa Buangan: Transformasi Kulit Kerang Kepada Hydroxyapatite Untuk Teknologi Regenerasi Tulang' oleh pelajar Fakulti Kejuruteraan Kimia Universiti Malaysia Pahang (UMP), Muhammad Hazim Aiman Zainal Abidin, dipilih sebagai pemenang utama Festival Antarabangsa Inovasi Dalam Teknologi Hijau 2016 (i-Finoq 2016).

Muhammad Hazim Aiman, 23, pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia yang memenangi pingat emas, piala dan wang tunai RM2,000 menewaskan lebih 200 hasil penyelidikan lain yang dipertandingkan di Kompleks Sukan UMP, Gambang.

Muhammad Hazim berkata, beliau mengambil masa dua bulan untuk menyiapkan penyelidikan menggunakan cengkerang kerang sebagai *hydroxyapatite* iaitu



Mohd Soffi (tengah) menyampaikan hadiah kepada **Muhammad Hazim Aiman** pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah i-Finoq 2016 di UMP, Gambang, semalam. (FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH)

bahan utama bagi membantu pertumbuhan tulang secara semula jadi.

Beliau berkata, penyeliaanya, Dr Jun Haslinda Shariffuddin yang mencadangkannya menggunakan cengkerang kerang kerana mudah diperolehi.

"Menerusi penyelidikan ini, *hydroxyapatite* yang dihasilkan menyamai tulang dan mempercepatkan kadar pertumbuhan tulang.

"Saya tidak menyangka dipilih

sebagai pemenang utama dan berpuas hati dengan hasil penyelidikan ini serta sedang mengadakan kerjasama dengan Universiti Malaya (UM) untuk melakukan ujian klinikal," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Hadiah disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Ir Mohd Soffi Abdul Razak. Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan

Alumni) UMP, Prof Datuk Dr Yusserrie Zainuddin dan Pengerusi i-Finoq 2016, Abdul Shukor Abd Razak.

Galak pulihara alam sekitar
Sementara itu, Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir berkata, pertandingan reka cipta teknologi hijau ini menggalakkan pelajar dan masyarakat mengenai kepentingan pemuliharaan alam sekitar untuk generasi akan

datang melalui penghasilan produk mesra alam.

Beliau berkata, kesan fenomena El Nino dan perubahan iklim global menjejaskan alam sekitar, kesejahteraan dan kehidupan manusia.

"Jadi, penggunaan teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharui dapat memulihara alam semula jadi serta melindungi alam sekitar," katanya menerusi teks ucapan yang dibacakan Yusserrie.